

29/08/2005

PROTON-PENASIHAT

TUN DR MAHATHIR KEKAL PENASIHAT PROTON

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau masih menjadi penasihat kepada Proton meskipun perkembangan yang berlaku dalam syarikat kereta nasional itu baru-baru ini dan juga laporan akhbar bahawa beliau memulangkan tujuh kenderaan Proton yang diberikan kepadanya.

"Ya. Saya masih penasihat. Sepanjang pengetahuan saya," katanya, semasa ditanya sama ada beliau masih kekal sebagai penasihat.

"Kereta-kereta tersebut dihantar kepada saya untuk diuji dan saya rasa ianya tidak didokumenkan dengan baik. Ia bukan kereta saya, ia milik Proton. Jadi, saya perlu memulangkannya semula kerana saya telah selesai menggunakannya. Saya tak boleh guna banyak kereta," katanya.

Dr Mahathir ditemui selepas beliau menyampaikan ucaptamanya yang bertajuk: "Pemikiran Seorang Pemikir," di seminar yang dianjurkan oleh The International Islamic University on Thinking, di sini, hari ini.

Beliau berkata kereta Proton miliknya sendiri adalah sebuah Proton Saga yang dibelinya sejak lama dulu.

Dr Mahathir menjelaskan lebih lanjut bahawa setiap kali Proton muncul dengan model baru, sudah menjadi kebiasaan syarikat itu menghantar sebuah kepadanya untuk dipandu uji.

"Saya telah selesai mencubanya (jadi, saya pulangkan semula kepada mereka)," katanya.

Apabila ditanya sama ada pemulangan kereta-kereta itu merupakan isyarat rasa tidak puas hatinya terhadap isu-isu yang menyelubungi Proton, Dr Mahathir berkata: "Mereka boleh tafsirkannya mengikut apa yang mereka suka. Perkara sebenarnya adalah ia (kereta-kereta tersebut) bukan milik saya dan saya perlu pulangkan kepada pemiliknya."

Laporan akhbar itu menyebut Dr Mahathir "amat kecewa" dengan perkembangan yang berlaku dalam Proton, termasuk penamatan perkhidmatan ketua pegawai eksekutifnya, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff dan isu berkaitan Permit Import.

Proton Holdings Bhd mengumumkan pada 25 Julai bahawa tempoh perkhidmatan Tengku Mahaleel tidak akan disambung semula dan beliau akan bercuti sehingga kontraknya berakhir pada 30 Sept, 2005.

Mengenai sama ada beliau tidak berpuas hati dengan apa yang berlaku dalam Proton, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu apa yang sedang berlaku dalam Proton kerana beliau tidak ada komunikasi dengan lembaga.

"Saya hanya boleh beri nasihat sekiranya saya tahu sesuatu sedang berlaku," katanya. -- BERNAMA

SM SD ZK